

Jangan dengar suara orang UMNO sahaja

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Para perwakilan UMNO yang bakal menerajui tumpuk pimpinan perlu lebih bersikap progresif dengan mengambil kira pandangan rakyat bukan ahli UMNO ke arah memperkemas gerak kerja parti itu.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan berkata, langkah itu perlu memandangkan sokongan terhadap UMNO bukan sahaja datang daripada ahli tetapi rakyat.

"UMNO merupakan parti Melayu, semangat kemelayuan perlu tetap ada dan dalam masa sama pemimpin harus pilih jalan tengah dengan mengambil kira pandangan kaum lain dan rakyat.

"Hal ini kerana suara rakyat



JAYUM JAWAN

penting untuk memilih pemimpin dan calon yang akan disenaraikan mestilah diterima masyarakat yang bukan sahaja terdiri daripada ahli," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengingatkan para perwakilan supaya turut mengambil kira pandangan rakyat yang bukan ahli UMNO sebagai salah satu pertimbangan dalam memilih pucuk pimpinan parti itu bulan depan.

Menurut Dr. Mahathir, pertimbangan itu perlu kerana kua-sa memilih merupakan tanggungjawab yang bukan hanya akan menentukan kepimpinan parti semata-mata malah bakal menentukan kedudukan UMNO

dalam Pilihan Raya Umum Ke-14.

Tambah Jayum, kombinasi terbaik antara Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Presiden dan Timbalan Presiden parti perlu dimanfaatkan dengan kehadiran pemimpin kanan berwibawa bagi mempersiapkan UMNO dalam pilihan raya akan datang.

Sementara itu, Timbalan Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Tan Sri Wira Ahmad Nordin Md. Amin berkata, pandangan daripada semua pihak adalah perlu bagi mendapatkan pertimbangan saksama dalam pelbagai aspek.

"Selain daripada mendengar pendapat ahli, pemimpin juga perlu mengambil kira input daripada pihak lain dalam membuat sesuatu keputusan.

"Langkah ini penting bagi menjaga kepentingan parti dan penyokong bukan ahli," kata-nya.